

10-2-2025

337,000 pengguna di Pulau Pinang bakal alami gangguan bekalan air akhir April



Status kerja penyambungan bahagian Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai (SP-RCP) yang bernilai RM8.7 juta mencapai 70 peratus sebelum gangguan bekalan air berjadual (SWSI) dilaksanakan pada akhir April ini bagi proses penyiapan projek berkenaan. = Foto ihsan PBAPP

BUTTERWORTH: Kira-kira 337,000 pengguna di semua daerah di Pulau Pinang dijangka mengalami gangguan bekalan air berjadual (SWSI) antara tempoh 24 hingga 48 jam pada April depan susulan kerja akhir penyambungan bahagian Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai (SP-RCP) yang bernilai RM8.7 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Datuk K Pathmanathan, berkata pihaknya merancang untuk melaksanakan kerja itu pada 25 April ini, dalam usaha pengempaman air terawat melalui saluran paip dasar laut berkembar yang lebih selamat dan efisien untuk memenuhi permintaan air pada masa hadapan

Katanya, pelaksanaan kerja terbabit dilakukan selepas sambutan Aidilfitri seperti mana arahan Ketua Menteri, Chow Kon Yeow.

"Apabila siap, ia akan menyokong kapasiti pengempaman air terawat maksimum 247 juta liter sehari (JLH).

"Pada 1 Februari lalu, status kerja projek SP-RCP berjalan mengikut jadual dan mencapai 70 peratus. Notis awal gangguan bekalan air berjadual ini membabitkan komponen saluran paip bekalan air utama yang meliputi dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua (LRA terpenting Pulau Pinang) di Seberang Perai Utara (SPU) ke Sungai Perai di Seberang Perai Tengah (SPT)," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, PBAPP memberi notis awal mengenai kerja penyambungan akhir berjadual projek SP-RCP kerana ia akan menjejaskan bekalan air kepada kira-kira 337,000 pengguna air di semua daerah di negeri ini, termasuk majoriti pengguna air industri di Bayan Lepas, Perai, Bukit Minyak dan Batu Kawan.

"PBAPP perlu menghenti tugas sementara bahagian saluran paip SPU-SPT pada 25 April ini untuk membolehkan kerja-kerja penyambungan akhir, serta kerja ujian dan pengoperasian.

"Ketika tempoh henti bekalan air, PBAPP juga akan menjalankan kerja pembaikan segera untuk membaiki saluran paip berdiameter 1.2meter yang bocor di lokasi lain di pinggir sungai (Jalan Pengkalan Tambang) di SPU, berhampiran LRA Sungai Dua.

"Notis awal SWSI yang dirancang ini dijadualkan selepas Aidilfitri. Walaubagaimanapun tarikh dan masa sebenar SWSI adalah tertakluk kepada penyiapan semua kerja persediaan yang diperlukan seperti yang dijadualkan," katanya.